TIMBALAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN MEDIA

Hari ini, saya melancarkan **CIMB Kababayan**, satu inisiatif baharu oleh CIMB Bank Filipina yang merupakan satu pencapaian penting bagi Malaysia. Inisiatif ini direka khas untuk memenuhi keperluan kewangan Pekerja Filipina di Luar Negara (OFW) dan keluarga mereka dengan menawarkan akses kepada perkhidmatan kewangan yang lebih mudah, selamat, dan inovatif.

CIMB Kababayan membolehkan OFW membuka akaun simpanan menggunakan nombor antarabangsa, memberi mereka lebih banyak pilihan dalam menguruskan kewangan. Pelancaran ini melambangkan komitmen Malaysia dan Filipina dalam menyokong kesejahteraan rakyat.

Inisiatif ini juga mencerminkan hubungan ekonomi yang kukuh antara Malaysia dan Filipina. CIMB Bank Filipina, sebagai bank digital pertama di negara ini, sedang mentransformasi perkhidmatan perbankan dan pengiktirafan sebagai Bank Nombor 1 di Filipina oleh Forbes pada 2023 serta 117 anugerah antarabangsa adalah bukti komitmen mereka terhadap inovasi.

Malaysia kekal komited untuk memperkukuh kerjasama dengan Filipina dalam memacu pertumbuhan ekonomi serantau, dan pelancaran CIMB Kababayan sejajar dengan visi bersama untuk kemakmuran ASEAN. Ini turut memperlihatkan **peranan penting Malaysia dalam membangunkan sektor perbankan digital** dan menyokong usaha Filipina dalam memperkukuh keterangkuman kewangan.

Turut bersama saya adalah Duta Besar Malaysia ke Filipina, Tuan Yang Terutama Dato Abdul Malik Melvin Castelino Anthony, Setiausaha Jabatan Pekerja Migran, Hans Leo Cacdac serta Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Bank PH, Vijay Manoharan.

Selain itu, saya turut mengadakan perbincangan dengan **Technical Education and Skills Development Authority (TESDA)** tentang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET). Kami sepakat bahawa **pertukaran kepakaran dan program latihan bersama dapat meningkatkan kemahiran rakyat dan membuka peluang dalam pasaran global.**

Dalam perbincangan ini, kami turut menyentuh potensi besar industri halal di Filipina. Dengan kekuatan Malaysia dalam pensijilan halal melalui JAKIM dan kerjasama bersama TESDA, kita dapat membangunkan ekosistem halal yang lebih kukuh di Filipina. Filipina kini menjadi destinasi eksport halal Malaysia ke-8 terbesar dunia dan ke-4 di ASEAN, dengan peningkatan 7.4% pada 2023.

Kerjasama ini akan membawa manfaat besar kepada Malaysia dan Filipina dalam memperkukuh hubungan strategik demi kemakmuran serantau.

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI
Timbalan Perdana Menteri Malaysia

Manila, Filipina | 16 Oktober 2024